

03 DEC 1999

Ting-Gerakan

MCA AMALKAN DASAR PINTU TERBUKA

GOPENG, 4 Dis (Bernama) -- MCA tidak mempunyai niat tersembunyi apabila sedia menerima dua Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gerakan di Pulau Pinang kerana ia selari dengan dasar "pintu terbuka" parti itu, kata setiausaha agungnya Datuk Dr Ting Chew Peh hari ini.

"Kita tidak merampas orang dari parti lain...kalau ada yang menyertai kita, mereka sebenarnya dah tinggalkan parti mereka terlebih dahulu," katanya kepada pemberita selepas melawat pasar Gopeng dan Kopisan Baru di sini.

Beliau berkata dasar MCA dari dahulu hingga sekarang ialah membuka keanggotaannya kepada mana-mana rakyat Malaysia berketurunan Cina dan ia tidak dilakukan secara paksaan.

Dua ADUN itu, Lim Chien Aun (Bayan Lepas) dan Lim Boo Chang (Datuk Keramat), keluar dari Gerakan pada Khamis lepas kerana mendakwa tidak yakin dengan kepimpinan parti itu di Pulau Pinang.

Mereka dilaporkan berhasrat menyertai MCA.

Ting bagaimanapun berkata beliau belum menerima sebarang maklumat mengenai permohonan kedua-dua ADUN itu dan menegaskan MCA tidak pernah mempengaruhi mereka untuk menyertai parti itu.

Beliau berkata keputusan mengenai penerimaan kedua-dua ADUN itu akan ditentukan oleh jawatankuasa pusat MCA mengikut prosedur yang biasa dilakukan.

Mengenai jawatan Ketua Menteri Pulau Pinang, Ting berkata perkara itu terletak di tangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang merupakan presiden Barisan Nasional (BN).

"MCA dalam semua kes termasuk pelantikan Exco dan Menteri Kabinet, menyertai perbincangan dan memberi pendapat. Segala yang diputuskan Dr Mahathir, kita terima," katanya.

Naib Presiden Parti Gerakan Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, pada sidang berita di ibu pejabat parti itu di Kuala Lumpur hari ini, berkata beliau akan mengangkat sumpah jawatan sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang Isnin ini.

Katanya beliau telah menerima surat pelantikannya daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Khamis lepas.

Mengenai wakil rakyat MCA, Ting berkata kesemua mereka terutamanya yang baru pertama kali menyandang jawatan itu diarahkan membuka pusat perkhidmatan kepada orang ramai secepat mungkin.

Katanya calon yang kalah juga diarahkan memberi khidmat mereka melalui bahagian dan cawangan MCA di kawasan yang mereka tandingi.

Ditanya mengenai pelantikan Lim Kit Siang sebagai pengerusi DAP, Ting berkata tidak ada perbezaan dalam DAP walaupun Kit Siang kini menyandang jawatan baru itu.

"Kit Siang tetap Kit Siang. Dia hanya pandai cakap dan pandai ugut orang yang tidak sependapat dengannya, tidak kira apa jawatan dia dalam parti," katanya.

Beliau berkata tujuan Kit Siang meletakkan jawatan sebagai setiausaha agung hanya untuk mendapatkan simpati dan ia ternyata berjaya "menaikkan" jawatannya kepada pengerusi parti itu.

-- BERNAMA

HJ NAK